

Buka mata masyarakat

MARANG - Program Muhibbah Bersama Jabatan Penjara mampu membuka mata masyarakat terhadap organisasi penjara sebagai sebuah organisasi yang bukan sahaja menajalakan hukuman terhadap pesalah jenayah semata-mata.

Ini kerana, penjara turut berfungsi sebagai organisasi yang menyediakan satu modul khas bagi membentuk semula jati diri dan sahsiah banduan, termasuk banduan wanita yang ditempatkan di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan.

Timbalan Pengarah Penjara Marang, Penguasa Penjara Mohd Rusli Abd Rahman berkata, program pada kali ini melibatkan sukarelawan koreksional terdiri daripada siswa dan siswi Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang berlangsung selama tiga hari.

"Selain itu, melalui program ini juga dapat memberi ruang kepada mahasiswa untuk menyesuaikan diri mereka dengan komuniti penjara," katanya selepas merasmikan Program Muhibbah di Penjara Marang dekat sini.

SINAR HARIAN 9/11/2015



Sukarelawan koreksional dari Unisza bergambar bersama anggota dan pegawai Penjara Marang diketuai Mohd Rusli (berdiri, enam dari kiri).